

07 SEP 2000

IAP-Isu/I

ISU CETAK ROMPAK PERISIAN DIBANGKITKAN PADA IAP

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Isu hak harta intelektual dan cetak rompak perisian dibangkitkan pada mesyuarat keempat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia di sini hari ini.

Para anggota IAP bersetuju dan memuji langkah-langkah yang diambil Malaysia dalam memenuhi komitmennya untuk melindungi hak harta intelektual.

Presiden Microsoft bagi Asia Pasifik, Pieter Knook berkata cetak rompak perisian lebih banyak menjejaskan syarikat tempatan berbanding syarikat multinasional.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dalam satu kenyataan selepas berakhirnya mesyuarat hari pertama berkata anggota IAP berpendapat bahawa cabaran bagi Malaysia adalah untuk menguatkuasakan perlindungan ini terutama di tengah-tengah menghadapi cetak rompak yang berleluasa yang membelenggu dunia.

Dalam ucapan alu-aluannya kepada para peserta IAP, Perdana Menteri merangkap pengerusi IAP Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kegembiraannya dengan kehadiran 29 anggota pada IAP kali ini yang merupakan jumlah terbesar sejak penubuhannya empat tahun lalu.

Dr Mahathir, yang pulang ke tanahair pagi ini dari lawatannya ke Chicago dan New York, juga memberi taklimat ringkas mengenai latar belakang MSC kepada muka-muka baru di kalangan anggota panel dan membincangkan langkah-langkah yang diambil Malaysia semasa krisis kewangan.

Beliau juga membangkitkan beberapa isu dan memohon nasihat daripada anggota IAP, termasuk mengenai gelembung Internet, urusan modal, pekerja berpengetahuan, teknologi tanpa wayar, hak harta intelektual, cetak rompak perisian dan penggabungan mega.

Satu kelemahan di kalangan usahawan Malaysia yang ditonjolkan adalah kemahiran jualan dan pemasaran di peringkat global terutama di dalam memasarkan idea-idea mereka kepada kapitalis urusan antarabangsa.

Di antara cadangan penting yang diutarakan ialah perlunya digabungkan kursus-kursus ini ke dalam kursus pendidikan tinggi tempatan dan menjalin hubungan dengan institut pengajian tinggi antarabangsa.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop melahirkan kebimbangannya bahawa di dalam tempoh jangka panjang, kekurangan di dalam kemahiran ini mungkin menjejaskan kemajuan MSC.

-- BERNAMA

AR MHI AKD